



Alam Maritim In The News

Media: Utusan Malaysia

Tarikh: 30 Mei, 2009

AMRB sasar untung berganda

Oleh AZMAN IBRAHIM

azman.ibrahim@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 29 Mei - Penyedia perkhidmatan kapal sokongan pesisir pantai bersepadu, Alam Maritim Resources Bhd. (AMRB) menyasarkan pertumbuhan keuntungan bersih digit berganda tahun ini walaupun dunia mengalami krisis ekonomi.

Pengerusinya, Datuk Kapten Ahmad Sufian Abdul Rashid berkata, syarikat berkeyakinan mencapai pertumbuhan positif sekiranya harga minyak mentah dunia kekal stabil dan mencecah paras sekurang-kurangnya AS\$50 (RM175) setong.

Jelasnya, harga minyak mentah dunia yang stabil dapat meningkatkan operasi dan perolehan syarikat.

Bagaimanapun, beliau memberitahu, syarikat tetap berkeupayaan untuk membuat keuntungan sekiranya harga minyak mentah dunia menyusut sehingga ke paras AS\$30 (RM105) setong.

"Perkhidmatan yang dijalankan syarikat tetap mendapat permintaan tinggi walaupun pada waktu kegawatan ekonomi.

"Peningkatan harga minyak mentah dunia yang stabil dan melebihi AS\$50 (RM 175) sepanjang tahun ini akan memberi kelebihan kepada kami," katanya selepas menghadiri mesyuarat agung tahunan AMRB kali keempat di sini hari ini.

Keuntungan bersih Alam Maritim tahun lalu adalah sebanyak RM80.3 juta.

Ahmad Sufian menambah, kerjasama yang dibentuk turut dijangka meningkatkan perolehan syarikat.

Menurut beliau, pihaknya dalam perbincangan dengan sebuah syarikat dari Australia untuk membentuk kerjasama berkenaan.

Katanya, AMRB mahu menjadi lebih kompetitif dan meneroka peluang-peluang pemiagaan baru.

"Syarikat turut menerima permintaan pakatan dari Thailand dan Korea tetapi kami perlu berhati-hati pada waktu ketidaktentuan ekonomi ini," ujarnya.

Ahmad Sufian berkata, syarikat dijangka menerima 11 buah kapal baru bernilai RM900 juta pada akhir tahun ini.

Pembelian itu turut membantu syarikat mencapai perolehan dan keuntungan berganda kumpulan yang kini memiliki 29 buah kapal.